

**UCAPAN**  
**YB. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR**  
**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**  
**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU**  
**MALAYSIA NEGERI KEDAH**  
**30 MEI 2009**  
**HOLIDAY VILLA, KEDAH.**

---

1. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Kedah kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sedikit ucapan pada majlis ini dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Kedah kali ke 32.

2. Dalam suasana kekalutan krisis ekonomi global hari ini, saya percaya para kontraktor juga menghadapi sedikit tekanan dan kesulitan dalam mengharungi detik yang amat mencabar ini. Krisis yang melanda ini bukan hanya dirasai di negara kita tetapi ianya satu fenomena global yang dialami oleh hampir setiap negara. Sungguhpun begitu, sebagai Menteri yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk membangunkan bidang ini, saya dengan penuh komited akan berusaha untuk membantu dan memastikan masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor terutamanya kontraktor kelas F dapat ditangani dengan sewajarnya.

3. Dalam merungkai ketidaktentuan yang kita hadapi dari segi ekonomi, saya ingin menyarankan kepada para kontraktor agar kita saling berganding bahu di antara satu sama lain, demi untuk kita membina keupayaan dan kekuatan bagi mengharungi cabaran ini. Melalui persatuan ini, sebagai contohnya, kita boleh mengembleng tenaga agar kita dapat menghasilkan golongan kontraktor Bumiputera yang mempunyai kepakaran yang tinggi serta memiliki kelengkapan yang diperlukan seperti jentera-jentera pembinaan seperti kren, pelantak cerucuk, jengkaut dan sebagainya.

4. Selain daripada itu, bagi para kontraktor yang telah memiliki jentera-jentera ini, mereka bolehlah mendaftarkan diri mereka dengan persatuan agar jentera-jentera yang dimiliki tersebut boleh disewakan pula kepada kontraktor-kontraktor yang mendapat projek tetapi tidak mempunyai jentera. Dengan pengabungan sumber-sumber ini, saya yakin, kita akan dapat mengeratkan lagi kerjasama di antara kita dan seterusnya menjimatkan kos projek dan kos penyewaan jentera-jentera tersebut.

5. Perlu saya tekankan bahawa pembentukan persatuan seperti ini adalah amat penting dan memainkan peranan yang signifikan dalam membantu kerajaan dalam menentukan halatuju industri binaan negara. Sebarang permasalahan yang timbul di dalam industri binaan negara boleh disalurkan kepada persatuan sebelum perkara tersebut di sampaikan pula kepada Kementerian Kerja Raya. Bagi melicinkan pelaksanaan perkara ini, saya menyeru kepada para kontraktor agar dapat memaklumkan kepada pihak saya sekiranya terdapat apa-apa permasalahan di peringkat para kontraktor. Maklumat tersebut boleh disampaikan terus kepada saya atau melalui wakil Kementerian Kerja Raya yang terdapat di setiap negeri iaitu Bahagian Pembangunan Bumiputera yang mempunyai cawangan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Dengan izin Allah dan sokongan daripada pihak kontraktor, saya dengan sebaik mungkin akan memastikan permasalahan yang timbul dapat ditangani dengan sewajarnya berdasarkan kemampuan yang ada.

6. Sejak saya dilantik sebagai Menteri Kerja Raya, saya telah berpeluang mengadakan beberapa sesi dialog dengan para kontraktor termasuk kontraktor-kontraktor utama dan kontraktor kelas F. Semasa sesi dialog tersebut, saya menerima banyak maklumbalas. Saya juga mendapati terdapat banyak salah faham terutamanya di dalam pelaksanaan dasar agihan 10% nilai kontrak kepada kontraktor kelas F.

7. Oleh yang demikian saya kluatir projek pembangunan akan tertangguh pelaksanaannya sehingga ia lambat untuk disiapkan. Sekiranya perkara ini berlaku, ianya tidak sihat untuk industri pembinaan negara bagi merangsang aktiviti ekonomi sewaktu kita berdepan dengan kelembapan ekonomi. Lantaran itu, saya telah memutuskan supaya dasar ini dikaji semula oleh pihak kementerian. Kertas

cadangan itu telah disiapkan dan beberapa langkah penambahbaikan seperti skop dan nilai kerja yang akan dilaksanakan oleh kontraktor Kelas F akan dikenal pasti terlebih dahulu oleh Jabatan Kerja Raya dan dimasukkan dalam Ringkasan Tender sebagai Wang Peruntukan Sementara (WPS)/(*Provisional Sum*). Walau bagaimanapun, kertas kajian bagi penambahbaikan yang terperinci ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu untuk kelulusan sebelum diumumkan.

8. Dalam usaha untuk kita terus maju ke hadapan, Saya dengan penuh iltizam ingin menasihatkan supaya para kontraktor mempunyai sikap dan komitmen untuk terus berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Ini adalah penting bagi merangsang aktiviti sektor pembinaan yang akan memacu pemulihan ekonomi negara. Kementerian melalui Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah merangka beberapa strategi pelaksanaan yang akan dilaksanakan. Strategi-strategi tersebut ialah :

- i. Mengkaji semula syarat-syarat pemberian lesen supaya hanya syarikat atau individu yang benar-benar berkeupayaan sahaja dibenarkan memohon lesen.
- ii. Menggalakkan penggabungan kontraktor-kontraktor kecil agar menubuhkan konsortium yang dapat memberi sinergi untuk berdaya saing di pasaran global.
- iii. Meningkatkan keupayaan kontraktor kecil melalui pelbagai skim latihan dan bimbingan, kursus serta penggunaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri binaan bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.
- iv. Menggalakkan pengkhususan kerja melalui kursus dan latihan kepada kontraktor kecil bagi meningkatkan daya saing dan menambah nilai tambah kontrak kerja mereka.

- v. Mewujudkan dasar pengkelasan kontraktor bagi membolehkan kerja-kerja tertentu dikhaskan kepada kelas tertentu sahaja. Dasar ini bertujuan melindungi kontraktor kecil dalam menghadapi persaingan dengan kontraktor besar. Kewujudan Kelas F banyak membantu kontraktor Bumiputera menceburkan diri dalam bidang ini dan menyumbang kepada pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera menjelang 2020; dan
- vi. Mengetatkan syarat-syarat kelayakan pendaftaran (*entry point*) bagi mengimbangi nisbah bilangan kontraktor berbanding bilangan kerja yang terhad.

9. Saya berpendapat sekiranya usaha dan komitmen dapat ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sudah pasti usaha kerajaan dalam membantu bumiputera ini akan dapat direalisasikan.

10. Seperti mana yang kita sedia maklum, YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan liberalisasi ke atas 27 sub-sektor di bawah sektor perkhidmatan. **Sub-sektor tersebut** ialah perkhidmatan komputer, perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan sukan dan rekreasi, perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan sewaan dan pajakan tanpa operator dan perkhidmatan pengangkutan sokongan dan bantuan. Walaupun liberalisasi sub-sektor ini tidak banyak memberi kesan kepada kontraktor bumiputera namun kita semua harus bersiap sedia untuk mengharungi cabaran liberalisasi global dan bersaing dengan masyarakat antarabangsa. Ini adalah satu cabaran untuk tuan-tuan dan puan untuk membina kekuatan dan kemahiran kerja serta memerlukan pendekatan yang lebih kreatif, inovatif serta mempunyai daya kompetitif yang tinggi untuk menghadapi proses liberalisasi yang mungkin akan turut berlaku kepada industri pembinaan pada masa akan datang. Oleh itu marilah sama-sama kita berdoa dan berusaha agar kita berjaya dalam mengharungi cabaran ini.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi menyeru kepada para kontraktor agar kita sentiasa melengkapkan diri dengan segala ilmu dan pengetahuan dalam bidang binaan ini supaya kita dapat terus maju dan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang binaan harus menjadi satu bidang yang boleh menaikkan taraf hidup dan ekonomi orang Melayu sejajar dengan matlamat negara maju pada tahun 2020 nanti. Kita harus menyematkan wawasan dalam sanubari kita agar kita juga ingin berjaya seperti orang lain dalam bidang yang kita ceburi ini. Saya yakin dengan komitmen yang tinggi dan doa, para kontraktor kita sudah bersedia untuk mengorak langkah terus ke hadapan kearah kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Terima kasih.